



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**31 DISEMBER 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 231 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 240,532 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Putatan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 142 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 233,540 orang. Manakala 629 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 332 orang di hospital, 295 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, satu (1) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 31 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 18 (24.32%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Terdapat sedikit peningkatan sebanyak 5 kes berbanding semalam menjadikan jumlah kes baharu pada hari ini sebanyak 231 kes.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi sebanyak 60 kes, pertambahan 14 kes berbanding semalam. Faktor penyebab kepada berlakunya peningkatan kes mendadak di Kota Kinabalu adalah disebabkan terdapat 25 kes baharu yang melibatkan Kluster Bahtera Kinabalu. Bagi daerah Kota Kinabalu, selain daripada kes daripada Kluster, sebanyak 18 kes berpunca daripada Kes Bergejala, 11 kes daripada Saringan Kontak Rapat dan enam (6) kes lagi daripada lain-lain saringan.
- c. Pada hari ini, daripada 27 daerah merekodkan penambahan jumlah kes harian, dimana tujuh (7) daerah mencatatkan kes dua (2) angka, 14 daerah mencatatkan kes satu (1) angka sahaja dan enam (6) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu. Kesemua daerah mencatatkan perubahan angka yang tidak statik kecuali daerah-daerah yang konsisten dengan catatan sifar (0) kes seperti Kunak, Kalabakan dan Nabawan.
- d. Seramai 226 orang daripada 231 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, seorang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan tiada pesakit dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan dua (2) orang pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (100) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	25	10.82%
2	Bergejala	82	35.50%
3	Kontak	100	43.29%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	22	9.524%
<b>JUMLAH</b>		<b>231</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/12/2021	Catatan Kes 31/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	46	60	+14
2	Penampang	18	26	+8
3	Beaufort	10	18	+8
4	Kuala Penyu	2	10	+8
5	Kota Belud	14	19	+5
6	Papar	12	17	5
7	Kota Marudu	2	6	+4
8	Lahad Datu	2	5	+3
9	Tenom	1	3	+2
10	Telupid	2	3	+1
11	Sipitang	1	2	+1
12	Kinabatangan	2	2	Mendatar
13	Kunak	0	0	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mendatar
16	Tuaran	37	22	-15
17	Tawau	15	3	-12
18	Keningau	13	7	-6
19	Sandakan	9	5	-4
20	Tambunan	7	3	-4
21	Ranau	12	9	-3
22	Putatan	11	8	-3
23	Beluran	4	2	-2
24	Pitas	2	0	-2
25	Semporna	1	0	-1
26	Tongod	1	0	-1
27	Kudat	2	1	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>226</b>	<b>231</b>	<b>+5</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (17 Disember – 30 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	25	11	18	0	6	60	374
Penampang	0	15	10	0	1	26	170
Tuaran	0	14	7	0	1	22	298
Kota Belud	0	10	9	0	0	19	181
Beaufort	0	9	9	0	0	18	69
Papar	0	5	11	0	1	17	113
Kuala Penyu	0	8	2	0	0	10	44
Ranau	0	7	0	0	2	9	192
Putatan	0	3	3	0	2	8	111
Keningau	0	4	2	0	1	7	80
Kota Marudu	0	3	3	0	0	6	57
Sandakan	0	2	1	0	2	5	65
Lahad Datu	0	0	0	0	5	5	16
Tawau	0	1	2	0	0	3	35
Tambunan	0	1	2	0	0	3	56
Telupid	0	1	2	0	0	3	8
Tenom	0	1	2	0	0	3	54
Beluran	0	0	1	0	1	2	23
Kinabatangan	0	2	0	0	0	2	11
Sipitang	0	2	0	0	0	2	37
Kudat	0	1	0	0	0	1	24
Pitas	0	0	0	0	0	0	11
Tongod	0	0	0	0	0	0	25
Semporna	0	0	0	0	0	0	5
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	2
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>100</b>	<b>84</b>	<b>0</b>	<b>22</b>	<b>231</b>	<b>2,071</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Bahtera Kinabalu	25
	<b>Jumlah</b>	<b>25</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,211 unit

- Hospital 1,324 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.94%

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 31 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	224
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
<b>Jumlah</b>	<b>231</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	2
Jepun	3
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	219
Bukan Malaysia	12
<b>Jumlah</b>	<b>231</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	40
Belum Menerima Vaksin	18
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	158
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	14
<b>Jumlah</b>	<b>231</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	6
1 to 5	15
6 to 11	19
12 to 17	3
18 to 25	41
26 to 59	122
>60	25
<b>Jumlah</b>	<b>231</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 30 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,757 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,602 orang adalah penduduk dewasa dan 155 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 30 Disember 2021 adalah seramai 2,449,035 orang. Ini meliputi 2,112,847 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.60% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,529 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,310 orang atau 75.85% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,188 orang atau 77.46% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,219 atau 71.71% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,876** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 5,919 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 39 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 156 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 45 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

#### Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 786 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PB

ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 545 premis perniagaan dan 889 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kedai Mama Pendik Enterprise, Menggatal. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 338 Premis Perniagaan melibatkan 166 anggota APM. Sebanyak lapan (8) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.

8

Sejumlah 44 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.3%
2	Beluran	98.3%
3	Keningau	98.3%
4	Tenom	98.3%
5	Kota Marudu	98.3%
6	Kudat	98.2%
7	Kota Belud	98.2%
8	Tuaran	98.2%
9	Sipitang	98.2%
10	Beaufort	98.2%
11	Semporna	98.1%
12	Ranau	98.1%
13	Lahad Datu	98.1%
14	Kinabatangan	98.1%
15	Sandakan	98%
16	Kota Kinabalu	98%
17	Tawau	98%
18	Papar	98%
19	Penampang	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**